

02 JUL 2003

MCA-Kosong

JAWATAN NAIB PRESIDEN MCA TIDAK AKAN DIISI PADA PERHIMPUNAN

KUALA LUMPUR, 2 Julai (Bernama) -- MCA tidak akan mengisi kekosongan dua jawatan naib presiden parti pada perhimpunan agung tahunan MCA Ogos ini, kata Setiausaha Agungnya Tan Sri Dr Ting Chew Peh hari ini.

Beliau berkata ini kerana Jawatankuasa Pusat (CC), badan pembuat keputusan parti, boleh sama ada mengisinya atau membiarkan kepada anggota membuat keputusan pada pemilihan parti tahun 2005.

"Dibawah perlembagaan parti, tidak perlu untuk mengisi kekosongan itu buat masa ini...CC telah memutuskan untuk tidak mengisi jawatan kosong itu," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Jawatankuasa itu pada mesyuarat 13 Jun lepas telah memutuskan untuk tidak mengisi jawatan berkenaan sehingga suatu "masa yang sesuai".

Dr Ting ditanya sama ada kedua-dua jawatan itu yang kosong berikutan kenaikan naib presiden Datuk Seri Ong Ka Ting mengambil alih jawatan presiden parti dan Datuk Chan Kong Choy sebagai timbalan pada 23 Mei lepas, akan diisi pada perhimpunan agung itu pada 10 Ogos.

Pelantikan itu dilakukan berikutan pengunduran presiden Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan timbalannya Datuk Seri Lim Ah Lek di bawah rancangan damai bagi menyelesaikan perbalahan dua kumpulan dalam parti berkenaan.

Sebelum itu, Ong dan Chan memegang jawatan naib presiden. Dua lagi naib presiden ialah Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn dan Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng.

Mengenai perhimpunan agung MCA, Dr Ting berkata ia dijadual dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 10 Ogos.

Mesyuarat perhimpunan Pemuda akan dirasmikan oleh timbalan presiden MCA dan Wanita pula akan rasmikan oleh setiausaha agung parti, sehari sebelum perhimpunan agung.

Dalam perkembangan lain, Dr Ting berkata MCA akan menganjurkan majlis penghargaan dan makan malam perpisahan untuk Dr Ling pada 26 Julai sebagai memperingati sumbangan beliau kepada parti, masyarakat dan negara.

"Majlis itu akan bermula pada pukul 2 petang di Dewan San Choon, Wisma MCA dan diikuti dengan majlis makan malam di Hotel Mines Resort di Seri Kembangan pada pukul 7 malam," katanya.

-- BERNAMA

AT KHY DC RON